

30/12/1997

Kegawatan uji keutuhan Asean

Jamhariah Jaafar

KEGAWATAN ekonomi, kejatuhan nilai mata wang, kemelut politik Kemboja dan perjuangan hak asasi di Myanmar menguasai senario antarabangsa dengan Malaysia turut memainkan peranan utama.

Awal 1997 berlangsung tanpa masalah, Malaysia terus makmur dengan pertumbuhan ekonomi dijangka kekal pada kadar lapan peratus.

Malaysia maju dengan kepantasan luar biasa - pembinaan lebuh raya bukan lagi sekadar menghubungkan antara Utara dan Selatan, bahkan diperluaskan di seluruh negara, lapangan terbang yang semakin kecil akibat penumpang yang semakin bertambah menyaksikan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, projek perumahan tumbuh bak cendawan selepas hujan, sektor hartanah dan kewangan menikmati kegemilangan yang tiada taranya.

Bagaimanapun, angin perubahan mula melanda apabila musim memasuki separuh kedua. Pelbagai kemelut melanda pentas Asean sebelum menular ke gelanggang antarabangsa mulai Julai.

Kemelut politik di rantau ini bermula dengan rampasan kuasa di Kemboja apabila Perdana Menteri keduanya, Hun Sen, merampas kuasa daripada pemimpinnya, Putera Norodom Ranariddh.

Krisis di Kemboja berlanjutan ke meja persidangan Asean. Dengan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) iaitu dua minggu selepas rampasan kuasa berkenaan, isu Kemboja menguasai gelanggang perbahasan.

Asean dengan rakan dialognya termasuk Amerika Syarikat cuba mencari jalan penyelesaian tetapi tidak berdaya untuk mencampuri urusan dalam negara berkenaan.

Akibatnya penyertaan Kemboja untuk melengkapkan Asean 10 ditangguh sehingga keamanan dan kestabilan politik negara itu pulih.

Bagaimanapun, keanggotaan dua negara lain iaitu Laos dan Myanmar diterima secara rasmi untuk menjadikan anggota Asean meningkat kepada sembilan.

Anggota Asean lain seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Vietnam, Brunei dan anggota yang baru diterima secara rasmi 23 Julai lalu, Laos dan Myanmar; 10 rakan dialognya iaitu Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU), Kanada, Australia, New Zealand, China, Jepun, Korea Selatan, India dan Russia, manakala Kemboja sekadar hadir sebagai pemerhati bersama Papua New Guinea.

Persoalan misi damai Asean yang sekejap diterima dan sekejap ditolak oleh Hun Sen, memaksa wakil media menghurungi pemimpin yang terbabit secara langsung, antaranya Menteri Luar Kemboja, Ung Huot yang menghadiri mesyuarat itu sebagai pemerhati.

Pelaksanaan reformasi ke arah mengembalikan demokrasi di Myanmar turut menjadi fokus AMM, khususnya pertentangan pendapat antara negara Barat termasuk Amerika dan Australia. Mereka membangkitkan persoalan kelembapan proses reformasi perlembagaan di negara itu.

"Kami tidak melihat sebarang perubahan besar terhadap Myanmar sejak Forum Serantau Asean (ARF) tahun lalu. Proses reformasi perlembagaan di negara itu bergerak seperti siput babi," kata Menteri Luar Australia, Alexander Downer, antara menteri luar paling kritikal terhadap Myanmar.

Kemelut di Asean tidak berakhir setakat itu apabila masalah ekonomi dan kejatuhan mata wang mula menyerang beberapa negara Asia Tenggara.

Virus yang bermula dari Thailand merebak pantas ke beberapa negara termasuk Malaysia.

Masalah dikesan sejak AMM, apabila Thailand berjaya memujuk rakan sejawatan lain memasukkan isu ekonomi dalam perisytiharaan bersamanya. Bagaimanapun, isu itu tenggelam dalam keghairahan wartawan untuk mengetahui perkembangan di Kemboja dan Myanmar.

Bagaimanapun, sejak Oktober lalu hingga kini masalah berkenaan mendapat perhatian utama semua persidangan dunia dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara lantang mengemukakan pendapatnya mengenai siapa yang menjadi punca masalah berkenaan.

Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) di Kuala Lumpur memberi perhatian serius terhadap masalah itu dan negara ahli kemudian menyerahkan kepada Mesyuarat Menteri Kewangan Asean (AFMM) yang bersidang selepas itu untuk mengemukakan cadangan bagi menangani masalah itu.

Ternyata, AFMM yang bermesyuarat pada awal November bertungkus-lumus mencari penyelesaian kepada krisis semakin meruncing yang ketika itu menyaksikan dua negara Asean - Thailand dan Indonesia - terpaksa memohon bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Manakala kuasa ekonomi ke-11 terbesar di dunia, Korea Selatan turut mengumumkan menerima pakej bantuan yang sama pada akhir sidang berkenaan.

Bagaimanapun, semua menteri AEM dan AFMM sependapat kegawatan ekonomi di beberapa negara ahli, membolehkan Asean mengkaji kelemahan yang ada, menyusun semula dan mengukuhkan asas ekonomi masing-masing.

Antara ikrar yang dibuat ketika di AEM ialah Asean terus mengukuhkan sektor kewangannya, menggunakan modal dengan lebih berkesan dan meningkatkan sumber manusia melalui pendidikan serta latihan bagi membentuk kerjasama ekonomi lebih erat terutama melalui badan seperti Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Kerjasama Pelaburan Asean (Aico) dan Kawasan Pelaburan Asean (AIA).

Pada mesyuarat berkenaan, AEM turut meluluskan pandangan Majlis Afta yang berpendapat, walaupun kegawatan ekonomi memberi kesan agak teruk ke atas beberapa negara ahli, mereka tetap yakin Asean dapat meneruskan kadar pertumbuhan tinggi dan kekal sebagai rantau yang dinamik.

Bagaimanapun ikrar itu agak terlerai pada mesyuarat AFMM, apabila menterinya yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terpaksa mencari penyelesaian segera bagi masalah yang kelihatan seperti tidak berpenghujung.

Dengan nilai mata wang beberapa negara Asean semakin merosot, kadar pertumbuhan juga menjunam, hutang negara bertambah, AFMM mengemukakan beberapa cadangan termasuk meluluskan Rangka Kerja Manila bagi mengawasi ekonomi serantau dan aturan kerjasama pembiayaan sebagai langkah mengelak daripada kegawatan sekarang berlaku berulang.

Sidang Kemuncak Negara Membangun Kumpulan 15 (G-15) turut menyentuh perkara yang sama, malah mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai kegawatan yang berlaku.

Kemelut itu mencapai keadaan paling genting ketika Mesyuarat IMF diadakan di Hong Kong pada Oktober apabila dunia dikejutkan dengan cadangan Dr Mahathir, supaya diwujudkan pasaran khusus untuk mata wang bagi membolehkan ia dikawal seperti pasaran saham dan urus niaga lain yang mempunyai kaunter perniagaan.

Cadangan itu pada awal menerima reaksi sinis dunia, akhirnya disedari kebenarannya apabila virus penyakit ekonomi Asia Tenggara merebak ke seluruh dunia, bermula dengan Hong Kong sebelum Pasaran Saham New York mencatat tahap terburuk dekad ini.

IMF didesak supaya mengkaji cadangan itu dengan teliti dan Pengarah Urusannya, Michel Camdessus ketika berada di Kuala Lumpur pada mesyuarat AFMM berjanji akan membentangkan hasil kajiannya awal tahun depan.

Sementara itu di Vancouver, Kanada, isu ekonomi terus menguasai senario Mesyuarat Kerjasama Asia Pasifik (Apec) apabila pemimpinnya sepakat untuk

mewujudkan kerjasama serantau bagi menangani segera masalah kejatuhan dan ketidaktentuan mata wang anggotanya dengan mengemukakan cadangan pendekatan global kepada IMF.

Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean yang berlangsung pada pertengahan Disember pula, menginsafi bahawa kegawatan ekonomi akan berterusan sehingga musim akan datang jika kegiatan spekulasi dan manipulasi mata wang tidak dihentikan segera.

Korea Selatan yang semakin tenat hanya mampu mengharap ihsan, malah kini daripada negara membangun seperti Asean. China dan Jepun cuba membantu meleraikan kekusutan, tetapi lebih daripada itu pemimpin Asean terpaksa menyerah nasib kepada takdir.

Bagaimanapun, secara keseluruhan ketegasan Malaysia serta sikap diplomatik yang diwakili oleh Menteri Luar yang sentiasa tenang dan murah senyuman, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berjaya mengukuhkan imej Malaysia di mata dunia.

Doa rakyat Malaysia semoga 1998 membawa sinar lebih gemilang. Dengan kerugian lebih AS\$150 bilion dalam tempoh enam bulan terakhir ini, Malaysia masih mampu bertahan untuk tidak tunduk kepada tekanan yang datang daripada pelbagai penjuru.

(END)